

Headline 1 bilion mata ganjaran ditebus di Maybank TreatsFair 2011  
Date 14 Aug 2011  
MediaTitle Mingguan MStar  
Section News  
Journalist N/A  
Frequency Weekly  
Circ / Read 320,964 / 1,072,000

Language Malay  
Page No 14  
Article Size 443 cm<sup>2</sup>  
Color Full Color  
ADValue 16,578  
PRValue 49,734



# 1 bilion mata ganjaran ditebus di Maybank TreatsFair 2011

**M**AYBANK TreatsFair 2011, ekspo menebus mata ganjaran terbesar negara, telah mencatatkan rekod tersendiri apabila berjaya menyaksikan penebusan mata ganjaran melebihi 1 bilion sepanjang tempoh ia berlangsung.

Naib Presiden Eksekutif dan Ketua Bahagian Kad, Kekayaan dan Pembayaran Maybank, B Ravintharan berkata, ekspo kali ketujuh itu yang berlangsung dari 21 hingga 24 Julai baru-baru ini telah menyaksikan jumlah penebusan mata ganjaran meningkat lebih 30 peratus kepada 1.05 bilion berbanding hanya 798,000 mata ditebus pada penganjuran yang sama tahun lalu.

"Maybank TreatsFair 2011 mendapat maklum balas menggalakkan daripada pelanggan dan ini membuktikan bahawa program ini semakin popular di kalangan pemegang kad Maybank. Program promosi berterusan yang kami anjurkan sebelum ini telah menjadikan ekspo tahunan itu semakin meriah. Malah sambutan yang diberikan ini lebih hebat daripada apa yang kami sasarkan," katanya.

Ravintharan menjelaskan, penganjuran TreatsFair 2011 bukan sahaja telah berjaya menarik lebih ramai pengunjung dengan seramai 213,000 orang iaitu peningkatan 25 peratus berbanding tahun lalu tetapi juga mencatat nilai jualan keseluruhan yang lebih tinggi iaitu sebanyak RM1.5 juta, naik 32 peratus.

Sepanjang acara itu juga, lebih 1,500 kad baru didaftarkan (naik 48 peratus) dan 1,502 penukaran kad Visa debit baru diterima (naik 87 peratus).

Maybank pada awalnya mensasarkan TreatsFair 2011 yang berlangsung di Pusat Pameran dan Konvensyen, Mid Valley City, akan berjaya menarik sekitar 180,000 jumlah pengunjung dengan jumlah penebusan sebanyak 1 bilion dan nilai jualan sebanyak RM10 juta.

"Kami berterima kasih kepada pelanggan-pelanggan kad Maybank terhadap sokongan yang mereka berikan. Penganjuran ini selari dengan matlamat kami untuk sentiasa berada dekat dengan pelanggan kami dan memahami keperluan mereka," kata Ravintharan lagi.

## Mata ganjaran

Maybank TreatsFair 2011 bukan sahaja menjadi wadah yang memudahkan

pelanggan tempatan untuk menebus mata ganjaran masing-masing, tetapi buat pertama kalinya juga membolehkan pelanggan-pelanggan Maybank dari Singapura dan Bank Internasional Indonesia (BII) untuk menikmati kemudahan yang sama.

Keseluruhannya, jumlah mata ganjaran TreatsPoints yang dikumpulkan oleh pelanggan Maybank di Malaysia, Singapura dan BII adalah sebanyak 43 bilion.

Ekspo tahunan terbesar kali ketujuh ini turut dijayakan bersama 100 rakan saudagar Maybank yang memenuhi sejumlah 268

ruang perniagaan yang disediakan. Syarikat-syarikat berkenaan yang menawarkan pelbagai rangkaian produk dan perkhidmatan bagi memenuhi gaya hidup terkini antaranya termasuklah Sony, Epi Center, Maxis, Digi, Nokia, Foto Miami, LeRun, Carrefour, Electrolux, Ogawa, Malaysia Airlines, Air Asia dan Mayflower.

Pelancaran ekspo itu turut disempurnakan dengan kehadiran Naib Presiden Bahagian Pembangunan Perniagaan & Perkhidmatan Rangkaian Global American Express International, Sanjiv Malhotra; Naib Presiden dan Pengurus Kanan Malaysia dan Brunei MasterCard Worldwide, Jim Cheah dan Pengurus Malaysia Visa International, Stuart Tomlinson.

## Bayar saman

Sepanjang TreatsFair 2011 itu berlangsung, pelanggan diberi peluang untuk menebus

mata ganjaran TreatsPoints masing-masing untuk membayar saman trafik serta membeli tiket kapal terbang ke mana-mana destinasi di dunia. Selain itu, pelanggan juga menggunakan kad kredit dan debit yang dimiliki untuk membuat apa-apa pembayaran kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur serta menderma kepada Gagasan Pemuliharaan Harimau Malaysia (MyCat) dan Yayasan Aids Malaysia.

Maybank turut menganjurkan lelongan untuk tujuan kebajikan dan sejumlah RM46,845 dikumpulkan sepanjang tempoh pameran yang mana kutipan tersebut telah didermakan kepada Yayasan Aids Malaysia.

Pelbagai acara turut dianjurkan pada pameran empat hari itu termasuklah persembahan daripada artis popular tanah air, Ziana Zain dan Dayang Norfaizah, bakat-bakat penghibur muda dari Akademi Fantasia dan Astro.

|             |  |              |                           |
|-------------|--|--------------|---------------------------|
| Headline    | <b>1 bilion mata ganjaran ditebus di Maybank TreatsFair 2011</b> | Language     | <b>Malay</b>              |
| Date        | <b>14 Aug 2011</b>   | Page No      | <b>14</b>                 |
| MediaTitle  | <b>Mingguan MStar</b>  | Article Size | <b>443 cm<sup>2</sup></b> |
| Section     | <b>News</b>  | Color        | <b>Full Color</b>         |
| Journalist  | <b>N/A</b>   | ADValue      | <b>16,578</b>             |
| Frequency   | <b>Weekly</b>  | PRValue      | <b>49,734</b>             |
| Circ / Read | <b>320,964 / 1,072,000</b>                                       |              |                           |



Pelanggan berpusu-pusu memasuki ruang pameran Maybank TreatsFair 2011 di Pusat Pameran dan Konvensyen Mid Valley City.